

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)39

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

39. Apakah status terkini hospital patuh Syariah yang hendak dilaksanakan di Bayan Baru?
- (a) Berapakah kos yang telah dikeluarkan dari awal projek sehingga ke hari ini? Perincikan kos yang telah digunakan.
 - (b) Pihak manakah yang terlibat dalam melakukan kerja-kerja pembinaan?
 - (c) Bilakah dijangka siap dan bilakah dapat digunakan?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

39. Projek adalah di dalam fasa pembinaan walau bagaimanapun kemajuan projek telah tergendala disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik COVID-19.
- (a) Projek ini adalah menggunakan konsep '*bullet payment*' yang bermaksud pihak kontraktor akan membiayai semua kos dan bayaran hanya akan dibuat setelah projek siap.

(b) Pihak yang terlibat untuk kerja-kerja pembinaan projek adalah seperti berikut :

- (i) Pembinaan APM Sdn Bhd – Kontraktor;
- (ii) Teknireka Architects Sdn Bhd - Perancang Fasiliti Perubatan;
- (iii) ZAFA Architects – Arkitek;
- (iv) Advance Pact Sdn. Bhd. - Perancang Peralatan;
- (v) Suharto Engineers - Jurutera Struktur & Awam;
- (vi) Perunding JYS Sdn. Bhd. - Jurutera Mekanikal dan Elektrikal; dan
- (vii) Quantum Surveyors - Jurukur Bahan

(c) Untuk makluman, Pihak Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) telah mengadakan kerjasama dengan melantik pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai Project Management Office (PMO) bagi projek Hospital Islam Pulau Pinang. PDC sedang melaksanakan kajian penilaian semula bagi projek ini.